

05 AUG, 2025

Perjanjian tarif buka laluan pengurangan kos import



Berita Harian, Malaysia

Bisnes



Perjanjian tarif buka laluan pengurangan kos import

Barangan AS lebih murah, tingkat daya saing ekonomi dalam rantaian nilai global

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprime.com.my

Perjanjian tarif antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) berpotensi mengurangkan duti import ke atas barangan AS seperti peralatan teknologi, termasuk semikonduktor dan perkakasan teknologi maklumat (IT), produk pertanian seperti kacang soya dan jagung, jentera industri, serta produk kimia dan farmaseutikal.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Ekonomi dan Kewangan UiTM, Dr Mohamad Id-

ham Md Razak, berkata perjanjian tarif itu akan menurunkan kos import, menjadikan barangan berkenaan lebih murah untuk pengguna dan perniagaan tempatan.

Langkah itu, katanya dijangka merangsang permintaan, mengurangkan kos pengeluaran industri yang bergantung kepada bahan mentah import, serta meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia dalam rantaian nilai global.

"Namun begitu, industri tempatan yang bersaing secara langsung dengan produk dari AS mungkin akan menghadapi tekanan akibat peningkatan persaingan harga dan kualiti.

"Kerajaan perlu merangka dasar imbang yang teliti bagi memastikan manfaat liberalasi perdagangan ini tidak menjaskan kelangsungan pengeluar tempatan, khususnya dalam sektor pertanian dan perkilangan berskala kecil," katanya kepada BH.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia Aviation Group (MAG)

Mohamad Idham Md Razak

turut mengambil peluang daripada kerjasama strategik dua hala itu menerusi pelan pembaharuan armada membabitkan pesawat baru seperti Airbus A330neo atau Boeing 787.

"Langkah ini bakal meningkatkan kecekapan bahan api dan penyelenggaraan, sekali gus menambah baik pengalaman penumpang serta mengukuhkan kedudukan Malaysia Airlines di pasaran global.

"Dalam sektor tenaga, PETRONAS dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dijangka memperkuatkkan diversifikasi sumber bekalan menerusi pembelian gas asli cecair (LNG) dan arang batu dari AS."

"AS adalah pengeluar utama LNG hasil revolusi syal gas, membolehkan taruhan harga yang kompetitif berbanding pasaran lain. Sumber arang batu juga bakal digunakan di loji janakuasa sedia ada milik TNB walaupun bertentangan dengan sasaran peralihan tenaga hijau negara.

"Terdapat keperluan mengimbangi antara kos rendah dan komitmen kepada kelestarian tadbir urus, sosial dan alam sekitar (ESG)," katanya.

Tingkat daya saing MAG
Sementara itu Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata pelaburan dalam pembaharuan armada oleh MAG dijangka meningkatkan daya saing syarikat itu menerusi kecekapan operasi, reputasi keselamatan, dan integrasi dalam ekosistem aeroaangkasa Malaysia serta global.

Beliau berkata, usaha ini bukan sahaja menjamin peningkatan kecekapan penggu-

naan bahan api dan tahap keselamatan, malah memperkuatkkan keupayaan MAG dalam memenuhi permintaan pasaran sebarang dan antarabangsa.

"Pakej pembelian ini turut merangkumi kos enjin, latihan juruterbang dan jurutera, penyelenggaraan serta perkhidmatan teknikal - satu pendekatan menyeluruh yang menyokong kecekapan operasi MAG dalam jangka panjang.

"Dalam konteks nasional, pembelian ini turut memberi limpahan ekonomi kepada pemain industri tempatan. Beberapa syarikat Malaysia seperti CTRM, UPECA, SME Aerospace dan Plexus kini adalah pembekal utama dalam rantaian bekalan Boeing dan Airbus.

"Sinergi antara pembaharuan armada dan penyertaan aktif industri tempatan dalam ekosistem global mampu memacu pertumbuhan sektor penerbangan negara, selain memperkuatkkan kedudukan Malaysia sebagai pusat penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bertaraf dunia," katanya.

